



Anggota bomba berusaha membawa keluar MPV yang ditemui terbenam di dasar Sungai Api-API, Nenasi, Pekan pada Sabtu

## **Jumpa MPV bersama rangka manusia dalam sungai**

NIK AMIRULMUMIN NIK MIN | | 23 Julai 2022

KUANTAN - Misteri kehilangan seorang lelaki yang dilaporkan hilang Oktober tahun lalu terungkai berikutan penemuan rangka manusia dalam kendaraan pelbagai guna (MPV) jenis Nissan Grand Livina yang ditemui terbenam di dasar Sungai Api-API, Nenasi, Pekan pada Sabtu.

Rangka yang diselaputi lumpur itu dipercayai mangsa yang hilang, Muhammad Iman Aqmar Dzulkarnain, 25, berdasarkan penemuan pas pekerja atas namanya.

Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendant Mohd Zaidi Mat Zin berkata, penemuan MPV di dalam sungai itu disedari seorang pengguna jalan raya (pengadu) ketika berhenti untuk membuang batang besi yang ditemui terjatuh di atas jambatan sungai berkenaan pada jam 11.39 pagi.

Menurutnya, pengguna jalan raya berkenaan ternampak seakan bumbung kereta di dalam sungai lalu melaporkan penemuan itu kepada polis.

"Berdasarkan maklumat itu, sepasukan anggota polis bersama pihak bomba ke lokasi pada jam 12.50 tengah hari dan kerja-kerja mengeluarkan kenderaan itu dilakukan menggunakan jengkaut dan lori tunda.

"Kenderaan tersebut berjaya dikeluarkan dan diangkat ke atas jalan pada jam 4.40 petang.

"Pemeriksaan lanjut terhadap kenderaan tersebut membawa kepada penemuan rangka manusia dipercayai milik mangsa yang hilang hampir setahun lalu," katanya.

Mohd Zaidi berkata, rangka tersebut dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan di sini untuk bedah siasat manakala kenderaan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, semakan ke atas kenderaan itu mendapati ia didaftarkan atas nama seorang wanita dipercayai ibu mangsa yang beralamat di Perumahan Bakti, Pasir Gudang,Johor.

"Hasil siasatan ke atas identiti wanita itu mendapati, terdapat dua laporan polis dibuat olehnya berkaitan kehilangan mangsa yang juga anak lelakinya.

"Berdasarkan laporan yang dibuat, mangsa dilaporkan keluar rumah kira-kira jam 1 pagi pada 29 Oktober tahun lalu untuk ke tempat kerjanya di Kemaman, Terengganu," katanya.

Tambah beliau, ketika itu mangsa memandu MPV jenis Nissan Grand Livina seorang diri dan kehilangan anaknya disedari hari berikutnya selepas mangsa gagal dihubungi.

"Ibu mangsa telah dihubungi untuk membuat pengecaman kenderaan, pakaian serta dokumen yang dijumpai bersama rangka tersebut," katanya.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/212762/BERITA/Semasa/Jumpa-MPV-bersama-rangka-manusia-dalam-sungai>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf